

Sinar

# TENGAH


**EDISI  
SELANGOR.KL  
PAHANG**

EDITOR: KHAIRUL AMRI YASIN PENOLONG EDITOR: ASMALIZA MANSOR, IZWAN ROZLIN &amp; ASWANY OMAR

# 5 negeri berisiko banjir

**Monsun Timur Laut dijangka jejas kawasan cenderung banjir, rendah**

AIMAN SADIQ ABDULLAH

KUANTAN

**E**mpat hingga enam episod hujan dijangka landa Kelantan, Terengganu, Pahang, timur Johor dan Sarawak susulan Monsun Timur Laut akan bermula minggu pertama November ini hingga Mac 2019.

Ketua Pengaroh Jabatan Meteorologi Malaysia (MET), Alui Baharika berita, keadaan ini boleh menyebabkan banjir di kawasan rendah dan cenderung alami bencana itu.

Menurutnya, pada masa ini, berkuarters peralihan monsun yang dijangka hingga hujung Oktober.

"Kami jangka November sehingga Januari perlu dibimbangkan disebabkan keadaan angin yang lembab berbanding Februari dan Mac



Alui (kanan) bersama Mashitah (tengah) dan Ramzah (kiri) menunjukkan Buku 'Disaster in Malaysia : Tomorrow is a Mystery' yang dilancarkan.

yang alami angin kering.

"Dijangkakan Kelantan dan Terengganu akan alami hujan lebat pada November sebelum turun ke Pahang dan Johor pada Disember, seterusnya akan menuju ke Sabah dan Sarawak pada Januari," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Forum Iklim Kebangsaan 2018: Monsun Timur Laut 2018/1/2019 di

Dewan Astaka, Universiti Malaysia Pahang (UMP), di sini semalam.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Prof Madya Dr Ramzah Dambul; Timbalan Naib Canselor UMP; Profesor Datuk Dr Mashitah Mohd Yusoff dan Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam UMP, Dr Moha-

mad Idris Ali.

Sementara itu, mengulas kejadian banjir kilat dan fenomena air pasang besar di Johor dan Selangor semalam, Alui berkata, ia adalah antara kesan peralihan monsun dan dijangka berterusan sehingga musim Monsun Timur Laut bermula bulan depan.

"Taburan hujan dan arah tiupan angin banyak mempengaruhi kejadian banjir kilat. Fenomena air pasang besar memang berlaku dan kita kena bersedia juga sebab ia terjadi dua kali sebulan."

"Kalau ketika air pasang (besar) dan pada masa sama berlaku hujan lebat serta bertembeng dengan tiupan angin kencang, memang akan banjir kilat akibat limpahan air sungai," katanya.

Beliau menasihati orang ramai supaya peka dengan amaran cuaca buruk dikeluaran MET dan mematuhi garis panduan keselamatan.

Orang ramai disarankan memuat naik aplikasi MyCuaca yang dibangunkan MMD bagi mendapatkan maklumat terkininya mengenai keadaan cuaca, selain kejadian gempa bumi dan amaran tsunami.

**Bantah Oktoberfest**

**KUALA LUMPUR** - Pemuda Pas Kawasan Wangsa Maju menyifatkan pengjanjaran perayaan Oktoberfest 2018 di negara ini seolah-olah menggambarkan Malaysia dijadikan lokasi aktiviti bebas buat masyarakat luas.

Ketuaany, Mohd Abdul Hadi Ghazali berkata, sekiranya ia dibincar, pengjanjaran acara itu seperti tidak terikat dengan sekatan undang-undang dan peraturan.

"Walaupun umat Islam bukan menjadi dasaran penyertaannya, tetapi tiada had atau halangan jika ada orang Islam serta lainnya, sekali gus gamit sesiapa sahaja untuk hadir termasuk orang Islam."

"Katakan dalam satu kenyataan yang dimuat naik di Facebook rasmi DPPK Wangsa Maju, semalam.

Beliau berkata, kerajaan persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak harus membikar acara itu berlangsung dengan membatalkan permohonan permit.